

UNTUK SIARAN SEGERA



KEMENTERIAN PENDIDIKAN

KENYATAAN MEDIA

KPM PERUNTUKKAN RM14,401,950 BANTUAN AWAL PERSEKOLAHAN (BAP) KEPADA MURID TINGKATAN 6 TAHUN 2026

Kementerian Pendidikan (KPM) meneruskan pelaksanaan agihan Bantuan Awal Persekolahan (BAP) kepada murid Tingkatan 6 baharu yang telah mendaftar pada 8 Jun 2026, selaras dengan kelulusan peluasan pemberian BAP kepada murid Tingkatan 6 pada tahun 2025.

Pada tahun ini, seramai 52,810 orang murid Tingkatan 6 baharu di 616 buah Pusat Tingkatan Enam (PTE) di seluruh negara akan menerima BAP sebanyak RM150 bagi seorang murid. Agihan BAP kepada murid Tingkatan 6 baharu, dilaksanakan oleh PTE bermula daripada 28 Jun 2026 sehingga 27 Julai 2026.

Secara keseluruhan, seramai 96,013 orang murid Tingkatan 6 termasuk murid baharu dan sedia ada telah dan akan menerima BAP pada tahun 2026 dengan jumlah peruntukan sebanyak RM14,401,950.

Peluasan pemberian BAP kepada pelajar Tingkatan Enam yang bermula pada tahun lalu adalah cerminan keprihatinan Kerajaan MADANI untuk meringankan beban kewangan ibu bapa dan penjaga dalam melakukan persediaan keperluan persekolahan. Inisiatif ini juga membuktikan komitmen jitu kerajaan untuk terus memperkasakan pendidikan Tingkatan Enam.

TAMAT

**KEMENTERIAN PENDIDIKAN
9 JULAI 2026**